

PENSWASTAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN PERUBATAN
DI SEMENANJUNG MALAYSIA

OLEH

AZLI BIN ABDUL AZIZ 89277267

MOHD ARIFF BIN ARIFFIN 89528605

MOHD NIZAM BIN MOHD YUSOFF 89294528

PENYELIA KERTAS PROJEK

EN MUNIS PARAN

Kertas Projek Yang Dikemukakan
Kepada Kajian Pentadbiran Dan Undang-Undang
Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
Untuk Memenuhi Sebahagian
Dari Syarat Untuk Memperolehi
Diploma Pentadbiran Awam.

APRIL 1992

SEKAPUR SIRIH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Segala puji-puji bagi Allah s.w.t. seru sekelian alam.

Selawat keatas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dan hidayahnya, kami para pelajar Diploma Pentadbiran Awam bahagian 06 telah dapat menyiapkan kertas projek kami yang bertajuk "Penswastaan Perkhidmatan Kesihatan Dan Perubatan Di Semenanjung Malaysia".

Kertas projek ini adalah untuk memenuhi keperluan asas Kursus Diploma Pentadbiran Awam. Bagi menjayakan projek ini, berbagai penyelidikan telah dilaksanakan termasuk temuramah, pemerhatian, penganalisaan dan kajian keatas laporan daripada Kementerian Kesihatan, hospital-hospital dan pusat kesihatan. Maklumat dari perpustakaan dan media massa telah menquatkan laqi hasil penyelidikan kami.

Harapan kami agar kertas projek ini dapat menyingkap isu-isu disebalik proses penswastaan perkhidmatan kesihatan dan perubatan.

Sekian. Wassalam

PENGHARGAAN

Dengan kesempatan ini ingin diucapkan ribuan terima kasih keatas pihak-pihak samada individu ataupun badan-badan yang telah membantu dalam menjayakan kertas kerja projek ini. Tanpa kerjasama yang telah diberikan oleh mereka maka tidak mungkin kertas projek ini dapat disiapkan dalam waktu yang telah ditetapkan.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia projek En. Munis Paran dan En. Ibni Radzuan yang telah memberikan tunjuk ajar mengenai cara-cara penyelidikan selaku penyarah PAD 355 semester 05 Julai 1991. Tidak lupa juga kepada Kementerian Kesihatan, pihak hospital dan pusat kesihatan yang telah memberikan kerjasama didalam menjawab soalan-soalan temuduga yang dikemukakan khasnya pada Dato' (Dr.) Che Rus Bin Mohd Noor selaku Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ucapan terima kasih juga kepada pentadbir-pentadbir hospital, pusat kesihatan dan penduduk berkenaan yang terlibat didalam kajian ini.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
Sekapur Sirih	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Bab 1	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Penswastaaan Di Malaysia Secara Ringkas	1
1.2 Penswastaaan Perkhidmatan Kesihatan Dan Perubatan Secara Ringkas	2
1.3 Penyata Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Methodologi Kajian	5
Bab 2	
2.0 Penswastaaan Secara Menyeluruh	6
2.1 Definisi Dan Konsep	6
2.2 Khidmat Kesihatan Nasional Di United Kingdom	8
2.3 Penswastaaan Di Malaysia	14
Bab 3	
3.0 Penswastaaan Perkhidmatan Kesihatan Dan Perubatan Di Semenanjung Malaysia serta Perkembangannya	28
3.1 Perkhidmatan Perubatan	30
3.2 Perkhidmatan Bukan Perubatan	34

1. PENGENALAN

1.1 Penswastaaan Di Malaysia Secara Ringkas

Dasar penswastaaan adalah merupakan satu fenomena baru di Malaysia di mana dasar ini mula dilaksanakan sejak tahun 1981 tetapi perlaksanaannya secara elektif hanyalah semenjak akhir tahun 1984. Ini adalah berikutan daripada defisit belanjawan kerajaan yang dialami mulai tahun-tahun berkenaan.

Sehubungan dengan itu kerajaan telah dan sedang menimbang supaya beberapa perkhidmatan atau perusahaan yang pada masa ini dimiliki dan disediakan oleh kerajaan diserahkan untuk dikendalikan oleh pihak swasta. Langkah ini adalah bertujuan untuk mengelakkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan di samping meningkatkan lagi mutu perkhidmatan tersebut untuk faedah orang awam. Bagi menjayakan dasar penswastaaan ini kesemua kementerian dan agensi-agensi kerajaan telah diarahkan supaya mengkaji program dan corak kegiatan mereka bagi tujuan penswastaaan samada sebahagian atau kesemua perkhidmatan yang berkenaan.